*7. Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965, wang yang perlu dibayar kepada pemilik di sisi undang-undang dan yang masih tidak dibayar selama tempoh melebihi 1 tahun, akan dikelaskan sebagai 'wang tak dituntut' dan mesti dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM"). Sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pemindahan tersebut, Bank akan, atas kosnya sendiri, memberitahu pelanggan mengenai pemindahan yang akan berlaku. Jika ditanya oleh pelanggan, Bank hendaklah, atas kosnya sendiri, memberitahu pelanggan mengenai prosedur untuk menuntut wang yang telah dipindahkan oleh Bank kepada RUM.*

*8. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya, dan hendaklah menanggung semua risiko, berhubung dengan sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau tidak lengkap yang diberikan dalam borang permohonan ini dan / atau Borang Pesanan, dan bersetuju untuk menanggung rugi dengan sepenuhnya Bank dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejennya terhadap apa-apa dan / atau semua kerugian, kos, perbelanjaan (termasuk kos guaman berdasarkan peguam cara dan anak guam), ganti rugi, dakwaan, tuntutan, tindakan dan / atau prosiding yang mungkin timbul disebabkan oleh, atau berkaitan dengan, pelaksanaan arahan oleh Bank dan / atau tindakan Bank menurut pesanan bagi mata wang asing kertas yang diberikan dalam Borang Pesanan.*

*9. Pelanggan bersetuju bahawa Bank hendaklah berhak menganggap bahawa Borang Pesanan yang diserahkan kepada Bank melalui saluran yang dibenarkan adalah diizinkan dengan sewajarnya oleh pelanggan atau kakitangan diberi kuasa pelanggan (walaupun arahan dalam Borang Pesanan tersebut mungkin melibatkan penipuan atau tidak diizinkan), melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaian melampau dan / atau keingkaran sengaja Bank. Pelanggan mesti memberitahu Bank dengan segera secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan dalam kakitangan diberi kuasa pelanggan (untuk pelanggan bukan individu) dan / atau apabila pelanggan mendapat tahu tentang apa-apa arahan yang melibatkan penipuan atau tidak diizinkan yang diberikan kepada Bank.*

*10. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab terhadap, dan menanggung semua risiko, apa-apa kehilangan, kecurian atau kerosakan berkenaan dengan wang tunai atau mata wang asing kertas yang diterima oleh pelanggan atau kakitangan diberi kuasa pelanggan atau dalam milikannya.*

*11. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat dan / atau dokumen berkaitan dengan pelanggan seperti yang boleh dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa untuk tujuan pematuhan Bank dengan mana-mana undang-undang dan peraturan semasa yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram dan / atau pencegahan pembiayaan keganasan dan / atau apa-apa perkara lain yang dikenakan ke atas Bank oleh undang-undang dan / atau sebarang arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan / atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank.*

## PART VIII. CIMB PICK & PACK TERMS AND CONDITIONS ... CONTINUED / *BAHAGIAN VIII. TERMA DAN SYARAT PICK & PACK CIMB ... SAMBUNGAN*

12. The Bank and / or its agent(s) reserve the right to reject, decline, suspend and / or withhold any transaction or funds at any point in time for the purpose of or in connection with the compliance of any laws, regulations or directives of authorities in any jurisdictions relating to the prevention of money laundering, terrorist financing and / or imposition of sanctions on any persons or entities. Customers agree not to hold the Bank and / or its agent(s) liable for any loss or damage (whether direct, indirect, special or consequential), loss of business or profits, or loss or damage of any nature suffered by the customer and / or any other party arising out of the said rejection, decline, suspension and / or withholding.

13. Any change in the customer's e-mail address(es), mailing address(es), telephone number(s), signature(s) and / or other particulars recorded with the Bank must be promptly notified to the Bank by the customer or the customer's authorised personnel (for non-individual customers). Such notification must be made in writing and supported by any documentation that the Bank may require and shall only be effective upon receipt by the Bank.

14. All communication and / or notices sent by the Bank by instantaneous communication and / or by post to or left at the customer's address last registered with the Bank, and / or by publication on the Bank's website or any of the Bank's branches shall be deemed delivered to and received by the customer: (i) if sent by post, on the seventh (7th) day after posting; (ii) if by any forms of instantaneous communication (including by electronic mail and / or short messaging service (SMS) and voice recording), immediately; (iii) if by publication on the Bank's website or at any of the Bank's branches, on the day of publication.

15. **PRIVACY CLAUSE (FOR NATURAL PERSONS) Where the customers are individuals (including but not limited to sole proprietor, partnerships, registered businesses and associations) this Clause 15 shall apply**

    15.1 The customer hereby confirms that the customer has read, understood and agreed to be bound by the CIMB Group Privacy Notice (which is available at www.cimb.com.my) and the clauses herein, as may relate to the processing of the customer's personal information. For the avoidance of doubt, the customer agrees that the said Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these Terms and Conditions.

    15.2 In the event the customer provides personal and financial information relating to third parties, including information relating to the customer's next-of-kin and dependents, for the purpose of opening or operating the customer's account(s) / facility(ies) with the Bank or otherwise subscribing to the Bank's products and services, the customer (a) confirms that the customer has obtained their consent or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these Terms and Conditions; (b) agrees to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; (c) agrees to update the Bank in writing if there is any material change to the said personal and financial information; and (d) agrees to the Bank's right to terminate the Pick & Pack Service should such consent be withdrawn by any of the said third parties.

    15.3 The Bank may at any time and from time to time now and / or in the future carry out the necessary reference checks including but not limited to credit reporting / reference checks with credit reporting / reference agencies, including but not limited to CTOS and / or any other agencies and / or from any financial institution to enable the Bank to ascertain the customer's status as may be required to help make decisions, for example when the Bank needs to (a) check details on applications for the Pick & Pack Service; (b) manage the Pick & Pack Service with the customer, including conducting reviews of the customer's portfolio(s); (c) and / or any purpose related to or in connection with the services under these Terms and Conditions. The customer will be linked by credit

*12. Bank dan / atau ejennya mempunyai hak untuk menolak, enggan melaksanakan, menggantung dan / atau menahan apa-apa transaksi atau dana pada bila-bila waktu untuk tujuan, atau berkaitan dengan, pematuhan mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan pihak berkuasa dalam mana-mana bidang kuasa berhubung dengan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan / atau pengenaan sekatan terhadap mana-mana orang atau entiti. Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dan / atau ejennya terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi (sama ada langsung, tidak langsung, khas atau turutan), kehilangan perniagaan atau keuntungan, atau apa-apa jenis kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh pelanggan dan / atau mana-mana pihak lain yang timbul daripada penolakan, keengganan, penggantungan dan / atau penahanan tersebut.*

*13. Apa-apa perubahan kepada alamat e-mel, alamat surat-menyurat, nombor telefon, tandatangan dan / atau butiran lain pelanggan yang direkodkan dengan Bank mesti diberitahu dengan segera kepada Bank oleh pelanggan atau kakitangan diberi kuasa pelanggan (untuk pelanggan bukan individu). Pemberitahuan tersebut mesti dibuat secara bertulis dan disokong oleh sebarang dokumentasi yang dikehendaki oleh Bank, dan hanya akan berkesan apabila diterima oleh Bank.*

*14. Semua komunikasi dan / atau notis yang dihantar oleh Bank melalui komunikasi serta dan / atau melalui pos kepada, atau ditinggalkan pada, alamat pelanggan yang terakhir didaftarkan dengan Bank, dan / atau melalui penerbitan pada laman web Bank atau mana-mana cawangan Bank, hendaklah disifatkan sebagai dihantar kepada, dan diterima oleh, pelanggan: (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas pengeposan; (ii) jika melalui sebarang bentuk komunikasi semerta (termasuk melalui mel elektronik dan / atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan rakaman suara), dengan segera; (iii) jika melalui penerbitan pada laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan.*

15. **FASAL PRIVASI (UNTUK ORANG SEBENAR) Jika pelanggan merupakan individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemilikan tunggal, perkongsian, perniagaan dan persatuan berdaftar), Fasal 15 ini hendaklah terpakai**

    *15.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati pada pautan www.cimb.com.my) dan fasal-fasal yang terkandung di sini, sepertimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah digabungkan, melalui rujukan, ke dalam Terma dan Syarat ini.*

    *15.2 Sekiranya pelanggan memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dekat dan orang tanggungan pelanggan, untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun / kemudahan pelanggan dengan Bank atau selainnya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, pelanggan (a) mengesahkan bahawa pelanggan telah mendapat persetujuan mereka atau selainnya berhak memberikan maklumat ini kepada Bank, dan Bank boleh menggunakannya mengikut Terma dan Syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Perkhidmatan Pick & Pack sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.*

    *15.3 Bank boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, pada masa ini dan / atau masa hadapan, menjalankan pemeriksaan rujukan yang perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan pelaporan / rujukan kredit dengan agensi pelaporan / rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada*

reporting / reference agencies to any other names the customer uses or have used, and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the customer and how the customer manages the customer's account(s) / facility(ies) with relevant credit reporting / reference agencies, and for any of these credit reporting / reference agencies to disclose the customer's credit information to its subscribers for purposes of fraud detection and fraud prevention.

15.4 Even after the customer has provided the Bank with any information, the customer will have the option to withdraw the consent given earlier, except where such disclosure of the customer's information is necessary for the provision of the Pick & Pack Service and / or related services or the performance of the contract with the customer to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements.

15.5 For the purposes of this Clause 15 and Clause 16, the CIMB Group consists of CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside Malaysia, and the use of the words "the Bank" and "the Bank's" are to be read as references to the CIMB Group.

15.6 This clause shall be without prejudice to any other terms which provides for the disclosure of information.

**16. PRIVACY CLAUSE (FOR CORPORATE CUSTOMERS) Where the customer is a corporation (including but not limited to the entities falling within the definition of "Corporation" defined in Section 3 of the Companies Act 2016) this Clause 16 shall apply.**

16.1 Where the customer is a corporation, the customer hereby irrevocably consents and authorises, and confirms that it has duly obtained the consent and authority of its directors, shareholders, officers, guarantors, security providers, business partners, subsidiaries, associated companies and / or any other person, individual and / or entity related to or associated with the customer as the Bank may deem fit (hereinafter referred to either singly or collectively as "Relevant Person"), for the Bank:

(a) to be provided information (inclusive of relevant personal information of the said Relevant Person) as may be required by the Bank for processing pursuant to the Personal Data Protection Act 2010 including for use in accordance with these Terms and Conditions and for the purpose of the Pick & Pack Service;

(b) to carry out the necessary reference checks at any time and from time to time now and / or in the future including but not limited to credit reference / reporting checks with credit reference / reporting agencies, including but not limited to CTOS and / or any other agencies and / or from any financial institution and to provide to such aforesaid party(s) with the required information requested to enable the Bank to ascertain the status of the customer and its Relevant Person as may be required by the Bank for the purposes of the grant and / or continued provision of the Pick & Pack Services; any purpose related to or in connection with the services under these Terms and Conditions; and / or for any other purposes that is required or permitted by law, regulations, guidelines and / or relevant regulatory authorities;

(c) to disclose the said Relevant Person's personal information to the classes of parties described in the CIMB Group Privacy Notice (which is available at www.cimb.com.my) and

(d) to provide the said Relevant Person with information on the Bank's products, banking facilities, services and / or offers

*CTOS dan / atau mana-mana agensi lain dan / atau daripada mana-mana institusi kewangan, untuk membolehkan Bank memastikan status pelanggan sebagaimana yang diperlukan bagi membantu pembuatan keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran pada permohonan untuk Perkhidmatan Pick & Pack; (b) menguruskan Perkhidmatan Pick & Pack dengan pelanggan, termasuk menjalankan kajian semula portfolio pelanggan; dan / atau (c) apa-apa tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat ini. Pelanggan akan dikaitkan, oleh agensi pelaporan / rujukan kredit, dengan mana-mana nama lain yang digunakan atau yang telah digunakan oleh pelanggan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang pelanggan dan cara pelanggan menguruskan akaun / kemudahan pelanggan, dengan agensi pelaporan / rujukan kredit yang relevan, dan mana-mana agensi pelaporan / rujukan kredit ini boleh menzahirkan maklumat kredit pelanggan kepada pelanggannya bagi tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.*

*15.4 Walaupun selepas pelanggan telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, pelanggan akan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan ini kecuali di mana pendedahan maklumat pelanggan sedemikian diperlukan untuk penyediaan Perkhidmatan Pick & Pack dan / atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau mematuhi apa-apa keperluan undang-undang.*

*15.5 Bagi tujuan Fasal 15 ini dan Fasal 16, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat kawalan bersama yang memberikan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" harus dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.*

*15.6 Fasal ini hendaklah tidak menjejaskan mana-mana terma lain yang memperuntukkan penzahiran maklumat.*

**16. FASAL PRIVASI (UNTUK PELANGGAN KORPORAT) Jika pelanggan merupakan perbadanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, entiti yang tergolong dalam takrif "Perbadanan" yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat 2016), Fasal 16 ini hendaklah terpakai.**

*16.1 Jika pelanggan merupakan perbadanan, pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kuasa secara tidak boleh batal, dan mengesahkan bahawa ia telah mendapatkan dengan sewajarnya persetujuan dan kuasa pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin, pemberi sekuriti, rakan perniagaan, subsidiari, syarikat bersekutunya dan / atau mana-mana orang, individu dan / atau entiti lain yang berhubungan atau mempunyai kaitan dengan pelanggan seperti yang Bank fikir patut (kemudian dari ini disebut secara satu-satu atau kolektif sebagai "Orang Relevan"), bagi Bank:*

*(a) untuk diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang berkenaan dengan Orang Relevan tersebut) seperti yang boleh dikehendaki Bank untuk pemprosesan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, termasuk untuk penggunaan mengikut Terma dan Syarat ini dan bagi tujuan Perkhidmatan Pick & Pack;*

*(b) untuk menjalankan pemeriksaan rujukan yang perlu, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, pada masa ini dan / atau masa hadapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan rujukan / pelaporan kredit dengan agensi rujukan / pelaporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CTOS dan / atau mana-mana agensi lain dan / atau daripada mana-mana institusi kewangan, dan untuk memberikan pihak yang tersebut di atas maklumat yang diperlukan dan diminta bagi membolehkan*

(inclusive of the products, services and offers of entities within the CIMB Group) which may be of interest and / or financial benefit to them at the Bank's sole discretion, without further reference to the customer and / or its Relevant Person.

16.2 The customer agrees to undertake the responsibility to update the Bank in writing should there be any change to the personal and financial, credit information relating to the said Relevant Person. Even after the customer has provided the Bank with any information, the customer will have the option to withdraw the consent given earlier, except where such disclosure of the customer's information is necessary for the provision of the Pick & Pack Service and / or related services or the performance of the contract with the customer to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements.

16.3 This clause shall be without prejudice to any other terms which provides for the disclosure of information.

17. These terms and conditions are subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia and other relevant regulatory bodies to which Bank is subject.

18. The Bank may vary (whether by adding to, deleting from or otherwise amending) ("Amendment") any of these Terms and Conditions by giving the customer at least twenty-one (21) calendar days notice before the Amendment is effective. The notice of the Amendment may be given by: (i) notice of the Amendment being displayed at the Bank's premises and website generally and where detailed provisions regarding the Amendment may be provided to the customer upon request or the notice may itself contain details of the Amendment; or (ii) the notice being sent to the customer's last known address; or (iii) the notice being advertised in one newspaper of the Bank's choice; or (iv) the notice being sent by instantaneous communication (including electronic mail, SMS and / or voice recording); or (v) by any other means of notification which the Bank may select and the Amendment shall take effect and be binding from the date specified in the notification. If the customer is not agreeable with the Amendment, the customer must cease the use the Pick & Pack Service and may notify the Bank by sending in a written notification at any time. The customers continued use of the Pick & Pack Service shall be deemed to be the customer's agreement to the Amendment.

19. Customers may make any complaint relating to the Pick & Pack Service, with any CIMB Bank Currency Exchange ("CCE"). If the customer is not satisfied with the explanation or solution provided by the CCE, the customer may contact the Bank's Customer Resolution Department at the following address, telephone number and e-mail address (or such other address, telephone number and e-mail address which the Bank notified to the customer): Customer Resolution Unit, P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mail: contactus@cimb.com.

*Bank memastikan status pelanggan dan Orang Relevannya sebagaimana yang diperlukan oleh Bank untuk tujuan pemberian dan / atau penyediaan berterusan Perkhidmatan Pick & Pack; sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat ini; dan / atau apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan / atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan.*

*(c) untuk menzahirkan maklumat peribadi Orang Relevan tersebut kepada kelas pihak yang diperihalkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati pada pautan www.cimb.com.my); dan*

*(d) untuk memberi Orang Relevan tersebut maklumat mengenai produk, kemudahan perbankan, perkhidmatan dan / atau tawaran Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran entiti dalam Kumpulan CIMB) yang mungkin menarik minat mereka dan / atau memberi mereka manfaat kewangan, mengikut budi bicara Bank semata-mata, tanpa rujukan selanjutnya kepada pelanggan dan / atau Orang Relevannya.*

*16.2 Pelanggan bersetuju untuk memikul tanggungjawab bagi memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi, kewangan dan kredit berkaitan dengan Orang Relevan tersebut. Walaupun selepas pelanggan telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, pelanggan akan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini kecuali di mana pendedahan maklumat pelanggan sedemikina diperlukan untuk penyediaan Perkhidmatan Pick & Pack dan / atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau mematuhi apa-apa keperluan undang-undang.*

*16.3 Fasal ini hendaklah tidak menjejaskan mana-mana terma lain yang memperuntukkan penzahiran maklumat.*

*17. Terma dan syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan relevan lain yang padanya Bank adalah tertakluk.*

*18. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambahkan kepada, memotong daripada, atau selainnya meminda) ("Pindaan") mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberi pelanggan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan mula berkuat kuasa. Notis mengenai Pindaan boleh diberikan secara berikut: (i) notis mengenai Pindaan dipaparkan pada premis dan laman web Bank secara umum dan peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan kepada pelanggan atas permintaan, atau notis itu sendiri boleh mengandungi perincian Pindaan itu; atau (ii) notis itu dihantar kepada alamat pelanggan yang terakhir diketahui; atau (iii) notis itu diiklankan dalam satu surat khabar pilihan Bank; atau (iv) notis itu dihantar melalui komunikasi serta-merta (termasuk mel elektronik, SMS dan / atau rakaman suara); atau (v) dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank, dan Pindaan itu hendaklah mula berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditentukan dalam pemberitahuan itu. Jika pelanggan tidak bersetuju dengan Pindaan itu, pelanggan mesti berhenti menggunakan Perkhidmatan Pick & Pack, dan boleh memberitahu Bank dengan menghantar pemberitahuan bertulis pada bila-bila masa. Penggunaan Perkhidmatan Pick & Pack yang berterusan oleh pelanggan hendaklah disifatkan sebagai persetujuan pelanggan dengan Pindaan itu.*

*19. Pelanggan boleh membuat apa-apa aduan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pick & Pack, dengan mana-mana CIMB Bank Currency Exchange ("CCE"). Jika pelanggan tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh CCE, pelanggan boleh menghubungi Bahagian Penyelesaian Pelanggan Bank pada alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada pelanggan): Unit Penyelesaian Pelanggan, Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.*

## PART IX. FOR BANK USE ONLY / *BAHAGIAN IX. UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA*

**DOCUMENTS ENCLOSED / *DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN***

**COMPULSORY DOCUMENT FOR COMPANIES (COMPANIES REGISTERED UNDER COMPANIES ACT 1965) /**
***DOKUMEN WAJIB UNTUK SYARIKAT (SYARIKAT YANG DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965)***

*All copies of Company Forms must be certified by the Company Secretary or two (2) company directors. /*
*Semua salinan Borang Syarikat mesti diperakui oleh Setiausaha Syarikat atau dua (2) orang pengarah syarikat.*

*Note: For other forms of entity, please refer to Customer Service Policy. /*
*Nota: Untuk bentuk entiti yang lain, sila rujuk kepada Dasar Khidmat Pelanggan.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ | Copy of Form 20 - Certificate of Incorporation on Conversion to Public Company (if applicable) / *Salinan Borang 20 – Perakuan Pemberbadanan atas Penukaran menjadi Syarikat Awam (jika berkenaan)* | ☐ | Copy of Authorised Signatories / Authorised / *Diberi Kuasa / Orang Diberi Kuasa* Person NRIC / Passport / *Salinan Kad Pengenalan / Pasport Penandatangan* |
| ☐ | Copy of Form 13 - Certificate of Change of Name (if applicable) / *Salinan Borang 13 – Perakuan Pertukaran Nama (jika berkenaan)* | ☐ | Board Resolution or Letter of Authority / *Ketetapan Lembaga atau Surat Kuasa* |

☐ **Applicable for foreign shareholders holding at least 25% controlling stake in a Company /**
***Terpakai untuk pemegang saham asing yang memegang sekurang-kurangnya 25% daripada kepentingan mengawal dalam Syarikat***

Certified true copy or notarised copy by Notary Public of the following documents /
*Salinan dokumen berikut yang diperakui sah atau yang disahkan oleh Notari Awam*:

1. Latest list of shareholders / *Senarai terkini pemegang saham*
2. Latest list of directors and company secretary / *Senarai terkini pengarah dan setiausaha syarikat*
3. Certificate of Incorporation / *Perakuan Pemberbadanan*
4. Memorandum an Articles of Association / *Memorandum dan Perkara Persatuan*

**COMPULSORY DOCUMENT FOR COMPANIES (COMPANIES REGISTERED UNDER COMPANIES ACT 2016) /**
***DOKUMEN WAJIB UNTUK SYARIKAT (SYARIKAT YANG DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016)***

*All copies of Company Forms must be certified by the Company Secretary or two (2) company directors. /*
*Semua salinan Borang Syarikat mesti diperakui oleh Setiausaha Syarikat atau dua (2) orang pengarah syarikat.*

*Note: For other forms of entity, please refer to Customer Service Policy /*
*Catatan: Untuk bentuk entiti yang lain, sila rujuk kepada Dasar Khidmat Pelanggan*

| | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ | Copy of S41(3) - Notice of Conversion (if applicable) / *Salinan S41(3) – Notis Penukaran (jika berkenaan)* | ☐ | Copy of Authorised Signatories / Authorised Person NRIC / Passport / *Salinan Kad Pengenalan / Pasport Penandatangan Diberi Kuasa / Orang Diberi Kuasa* |
| ☐ | Copy of S28(3)(b) - Notice of Registration of New Name (if applicable) / *Salinan S28(3)(b) – Notis Pendaftaran bagi Nama Baharu (jika berkenaan)* | ☐ | Board Resolution or Letter of Authority / *Ketetapan Lembaga atau Surat Kuasa* |
| ☐ | Copy of S567 – Particulars of Change or Alteration Relating to Foreign Company (if applicable) / *Salinan S567 – Butir-butir Perubahan atau Pengubahan Berkaitan dengan Syarikat Asing (jika berkenaan)* | | |

☐ **Applicable for foreign shareholders holding at least 25% controlling stake in a Company /**
***Terpakai untuk pemegang saham asing yang memegang sekurang-kurangnya 25% daripada kepentingan mengawal dalam Syarikat***

Certified true copy or notarised copy by Notary Public of the following documents /
*Salinan dokumen berikut yang diperakui sah atau yang disahkan oleh Notari Awam*:

1. Latest list of shareholders / *Senarai terkini pemegang saham*
2. Latest list of directors and company secretary / *Senarai terkini pengarah dan setiausaha syarikat*
3. Certificate of Incorporation / *Perakuan Pemberbadanan*
4. Memorandum an Articles of Association / *Memorandum dan Perkara Persatuan*

## PART IX. FOR BANK USE ONLY ... CONTINUED / *BAHAGIAN IX. UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA ... SAMBUNGAN*

<table>
<tr><td rowspan="3">Attended by /<br>Customer Signature<br>Verified by /<br>Diurus oleh /<br>Tandatangan Pelanggan<br>Ditentusahkan oleh</td><td>CCE Staff Name / Nama Kakitangan CCE:</td><td>CCE Name / Nama CCE:</td></tr>
<tr><td>Staff Designation / Jawatan Kakitangan:</td><td rowspan="2">Signature / Tandatangan:</td></tr>
<tr><td>Date / Tarikh:<br>DD/MM/YYYY</td></tr>
<tr><td>Remarks (if any) /<br>Catatan (jika ada)</td><td colspan="2"></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td rowspan="3">Approved by /<br>Diluluskan oleh</td><td>CCE Staff Name / Nama Kakitangan CCE:</td><td>CCE Name / Nama CCE:</td></tr>
<tr><td>Staff Designation / Jawatan Kakitangan:</td><td rowspan="2">Signature / Tandatangan:</td></tr>
<tr><td>Date / Tarikh:<br>DD/MM/YYYY</td></tr>
<tr><td>Remarks (if any) /<br>Catatan (jika ada)</td><td colspan="2"></td></tr>
</table>

## LETTER OF AUTHORISATION / *SURAT PEMBERIAN KUASA*

*To: CIMB Bank Berhad / Kepada : CIMB Bank Berhad*
*Re: CIMB Pick & Pack Service / Berhubungan dengan: Perkhidmatan Pick & Pack CIMB*

| | |
|---|---|
| Company Name / *Nama Syarikat*: | |
| Business Registration Number / *Nombor Pendaftaran Perniagaan:* | |

I, the undersigned, ______________________________________________ (as per full legal name) with NRIC / Passport No.: ______________________________ (ID No.) approve and authorise any ____________ (state number of individuals) persons as set out in Annexure 1 to be the Authorised Personnel who shall have authority to perform the task capacity as prescribed in Annexure 1. /

*Saya, orang yang bertandatangan di bawah, ______________________________ (seperti nama sah penuh) dengan No. KP / Pasport: ____________ (No. ID) meluluskan dan memberikan kuasa kepada mana-mana ________ (nyatakan bilangan individu) orang seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 yang akan menjadi Kakitangan Diberi Kuasa yang hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan keupayaan tugas seperti yang ditetapkan dalam Lampiran 1.*

**A. AUTHORISED PERSONNELS ARE INDVIDUALS THAT ARE ALLOWED TO PERFORM THE FOLLOWING TASK CAPACITY AS PRESCRIBED IN ANNEXURE 1 /**
***KAKITANGAN DIBERI KUASA MERUPAKAN INDIVIDU YANG DIBENARKAN UNTUK MELAKUKAN KEUPAYAAN TUGAS BERIKUT SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM LAMPIRAN 1.***

1. To place, book and / or authorise foreign currency notes (FCN) order instructions; either by collection of the Cash / FCN at CIMB Bank Currency Exchange (CCE) OR delivery instruction via approved security company of the Bank.
2. To negotiate, accept, execute and / or issue any documents including any forms, terms and conditions, payments and requested documentations in connection with any FCN transactions and the CIMB Pick & Pack Service.
3. To collect and receive Cash / FCN at CCE or at Delivery Address.
4. To appoint and give written instructions for a third person to collect Cash / FCN at CCE and / or to receive Cash / FCN at Delivery Address. /

1. *Membuat, menempah dan / atau membenarkan arahan pesanan mata wang asing kertas (FCN); sama ada melalui pengambilan Wang Tunai / FCN di CIMB Bank Currency Exchange (CCE) atau arahan penghantaran melalui syarikat keselamatan diluluskan Bank.*
2. *Merundingkan, menerima, menandatangani dan / atau mengeluarkan sebarang dokumen termasuk apa-apa borang, terma dan syarat, bayaran dan dokumentasi yang diminta berkaitan dengan mana-mana transaksi FCN dan Perkhidmatan Pick & Pack CIMB.*
3. *Mengambil dan menerima Wang Tunai / FCN di CCE atau di Alamat Penghantaran.*
4. *Melantik dan memberikan arahan bertulis untuk orang ketiga mengambil Wang Tunai / FCN di CCE dan / atau menerima Wang Tunai / FCN di Alamat Penghantaran.*

**B. SUPERSESSION / *PENGGANTIAN***

This Letter of Authorisation shall supersede all earlier and existing authorisation given to the Bank in connection with any foreign currency notes (FCN) transactions and the CIMB Pick & Pack Service. /
*Surat Pemberian Kuasa ini hendaklah menggantikan semua pemberian kuasa yang lebih awal dan sedia ada yang diberikan kepada Bank berkaitan dengan apa-apa transaksi mata wang asing kertas (FCN) dan Perkhidmatan Pick & Pack CIMB.*

Should you require further information or clarification, please do not hesitate to contact the undersigned at /
*Sekiranya anda memerlukan maklumat atau penjelasan lanjut, sila hubungi orang yang bertandatangan di bawah melalui*:

Contact / *Orang Untuk Dihubungi*:
E-mail / *E-mel*:

Sincerely / *Yang Benar*,

______________________________
(Authorised Signatory / *Penandatangan Dibenarkan*)
Name / *Nama*:
Position / *Jawatan*:
Date / *Tarikh*: DD/MM/YYYY
Company Chop / *Cap Syarikat*:

## ANNEXURE 1: LIST OF AUTHORISED PERSONNEL / *LAMPIRAN 1: SENARAI KAKITANGAN DIBERI KUASA*

| **Full Name /** *Nama Penuh* | **Task Capacity /** Kuasa untuk membuat urusan berhubungan dengan *(Please tick applicable box / boxes / Sila tanda palang (/) pada kotak / kotak-kotak yang terpakai)* | **NRIC / Passport /** *KP / Pasport* | **E-mail Address /** *Alamat E-mel* | **Phone Number /** *Nombor Telefon* | **Specimen Signature /** *Contoh Tandatangan* |
|---|---|---|---|---|---|
| ***Sample*** **Ali Bin Ahmad** | ☒ Ordering / *Membuat pesanan* | **149309-00-8888** | **ali@abc.com** | **010-7920011** |  |
| | ☒ Receiving / Collecting Cash or FCN at CCE or Delivery Address / *Menerima / Mengambil Wang Tunai atau FCN di CCE atau Alamat Penghantaran* | | | | |
| | ☒ Appointing and giving written instructions for a third person to collect / receive Cash / FCN at CCE / Delivery Address / *Melantik dan memberikan arahan bertulis untuk orang ketiga mengambil / menerima Wang Tunai / FCN di CCE / Alamat Penghantaran* | | | | |
| | ☐ Ordering / *Membuat pesanan* | | | | |
| | ☐ Receiving / Collecting Cash or FCN at CCE or Delivery Address / *Menerima / Mengambil Wang Tunai atau FCN di CCE atau Alamat Penghantaran* | | | | |
| | ☐ Appointing and giving written instructions for a third person to collect / receive Cash / FCN at CCE/ Delivery Address / *Melantik dan memberikan arahan bertulis untuk orang ketiga mengambil / menerima Wang Tunai / FCN di CCE / Alamat Penghantaran* | | | | |
| | ☐ Ordering / *Membuat pesanan* | | | | |
| | ☐ Receiving / Collecting Cash or FCN at CCE or Delivery Address / *Menerima / Mengambil Wang Tunai atau FCN di CCE atau Alamat Penghantaran* | | | | |
| | ☐ Appointing and giving written instructions for a third person to collect / receive Cash / FCN at CCE / Delivery Address / *Melantik dan memberikan arahan bertulis untuk orang ketiga mengambil / menerima Wang Tunai / FCN di CCE / Alamat Penghantaran* | | | | |

| I hereby confirmed the list of Authorised Personnel / *Saya dengan ini mengesahkan senarai Kakitangan Diberi Kuasa* | Name / *Nama*: |
|---|---|
| | Position / *Jawatan*: |
| | Date / *Tarikh*: DD/MM/YYYY |
| (Authorised Signatory / *Penandatangan Dibenarkan*) | Company Chop / *Cap Syarikat*: |